

## **BAB 3**

### **LATAR BELAKANG INDUSTRI PERFILEMAN**

#### **3.0. Pendahuluan**

Bab ini memuatkan latar belakang sejarah perkembangan filem. Bahagian latar belakang sejarah perkembangan bermula dengan sejarah awal kewujudan filem di negara-negara Eropah serta perkembangannya ke benua-benua yang lain dan diikuti dengan sejarah perkembangannya di negara India. Dalam penulisan tentang sejarah perkembangan industri perfileman di negara India pula, industri perfileman Tamil juga turut dibincangkan. Bahagian ini diikuti dengan sejarah perkembangan filem di Malaysia dan juga sejarah perkembangan filem Tamil di Malaysia..

#### **3.1. Sejarah Perkembangan Filem dan Filem Tamil**


Industri perfileman Tamil Malaysia adalah sebuah industri yang masih muda dan sedang berusaha mencapai taraf antarabangsa. Walaupun sejarah penyiaran Tamil Malaysia didapati telah bermula sejak tahun 1968 lagi tetapi filem Tamil Malaysia pertama hanyalah

dihasilkan pada tahun 1991. Sebelum itu, industri ini telah menghasilkan filem-filem pendek dan drama-drama untuk siaran di televisyen. Kini industri perfileman Tamil Malaysia didapati telah mencatat rekod yang agak baik dalam usaha penghasilan FFTM (filem-filem Tamil Malaysia). Namun demikian dapatlah dikatakan bahawa industri perfileman Tamil Malaysia masih belum popular dalam pasaran antarabangsa.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa FFTM tidak kurang hebatnya mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Pada masa yang sama FFTM juga didapati memainkan peranan sebagai rekod kesenian yang mendukung identiti masyarakat India Malaysia. Oleh yang demikian ada baiknya jika sejarah perkembangan industri perfileman Malaysia diperjelaskan.

Bidang filem Tamil mempunyai kaitan yang rapat dengan industri perfileman Tamil di negara India kerana semangat dan idea asal untuk menghasilkan FFTM telah tercetus daripada pengaruh industri perfileman Tamil di negara India. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa usaha penghasilan filem dan ciptaan kesenian serta teknologinya berasal dari negara-negara Barat. Oleh yang demikian bahagian ini dimulakan daripada sejarah perkembangan perfileman di Barat diikuti dengan industri perfileman negara India dan Malaysia. Berikut ini adalah kerangka perbincangan.

Rajah 3.1: Kerangka sejarah perkembangan filem



### 3.2. Sejarah Perkembangan Filem Dunia

Filem merupakan bidang hiburan yang paling popular di dunia. Bidang ini didapati berkembang pesat dalam jangka masa yang pendek. Sebelum itu bidang hiburan dikongkong oleh seni pentas (Ashok Millat, 1995, p.19). Selepas kewujudan seni filem, industri ini telah menjadi sebuah bidang kesenian yang paling berpengaruh dalam kalangan masyarakat (Sehgal, 2008, p.143).

Bidang perfileman lahir apabila terciptanya teknik fotografi dan projektor oleh adik-beradik Lumiere (Louis dan Auguste) yang telah menayangkan filem pertama pada 28hb Disember 1895, di Grand Cafe Paris (Bordwell & Thompson, 1990, p.373). Kemudiannya industri ini berkembang ke negara-negara Eropah yang lain khususnya ke negara Britan, Itali dan ke benua Amerika (Geoffrey Nowell-Smith, 1996, p.3). Industri perfileman bermula dengan penerbitan filem-filem bisu (tiada unsur bunyi). Zaman filem bisu bermula pada tahun 1895 dan berterusan sehingga tahun 1927. Antara filem pertama yang telah tercipta pada masa itu adalah *Workers Leaving the Lumiere Factory (La Sortie Des Ouvriers De L'Usine Lumiere)* (Sharifah Zinjuaher H.M Ariffin & Hang Tuah Arshad, 1980, p.11-12).

Pada tahun yang sama adik-beradik Lumiere berjaya menghasilkan sebuah lagi filem berjudul, *Arrivee D'Un Train En Gare*. Seorang lagi warga Perancis yang menerbitkan filem pada masa itu ialah George Melies. Beliau telah menghasilkan sebuah

filem berjudul, *A Trip To The Moon (Le Voyage Dans La Lune)* pada tahun 1902 (Fischer, 2011, p.9).

Sejak permulaan itu, industri perfileman telah mula mendapat perhatian di negara British. Filem pertama negara itu telah dihasilkan oleh Felician Trewey di Politeknik Regent Street, London pada 20hb Februari 1896 (Simon During, 2009, p.149). Filem ini telah diterbitkan oleh William Frese Greene dan Birth Acres. Selain itu, Birth Acres juga berjaya menghasilkan dua buah filem yang berjudul, *Derby* dan *Boat Race* (Shail, 2007, p.13).

Di England, penerbit-penerbit filem seperti G.Albert Smith, James Williamson, Esme Collings, Cecil Hepworth dan Charles Urban telah berjaya menerbitkan beberapa filem. Dalam pada itu, filem berjudul, *Rescued by Rover* yang diterbitkan oleh Cecil Hepworth pada tahun 1905 mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat (John Hawkrige, 1997, p.131).

Selain itu, negara Itali juga tidak ketinggalan dalam arus sejarah perkembangan perfileman. Di Itali, Filoteo Alberini telah berjaya mencipta sebuah kamera dan peralatan tayangan. Beliau bersama Dante Santoni, telah menghasilkan filem pertama di Itali, *The Capture of Rome, 20 September 1870 (La Presa di Roma, 20 Settembre 1870)* pada tahun 1905. Filem ini telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat Itali (Gino Moliterno, 2009, p.3).

Seterusnya, seorang lagi warga Itali bernama Giovanni Pastrone juga telah menghasilkan filem-filem seperti, *Nepolean (Napoleono)* pada 1907 dan *The Fall of Troy (La Caduta Di Troia)* pada 1911. Bukan itu sahaja, dalam jangka masa tersebut beberapa filem Itali turut dihasilkan. Ini termasuklah filem-filem seperti, *The Crusaders, Cines (La Gerusalemme Libarate, 1911)*, *The last day of Pompei (Gli Ultimi Giorni di Pompei, 1913)*, *Antony and Cleopatra (Marcantonio e Cleopatra, 1914)* dan *Julius Caesar (Cajus Julius Caesar, 1914)* (Paolo Cherchi Usai, 1996, pp.125-127).

Usaha ini didapati berterusan sehingga perang dunia pertama. Akibat daripada perang dunia pertama industri perfileman Itali telah mengalami kemerosotan (Kate Carlisle, 2008, p.86). Namun demikian dalam lingkungan tahun 1905- 1935, Itali berjaya menerbitkan lebih dari 10,000 filem dan daripada jumlah filem tersebut, tidak kurang daripada 1,500 buah filem telah mencatat rekod filem terbaik. Dalam jangka masa tersebut juga, lebih daripada 500 buah syarikat penerbitan filem telah muncul di Itali (Paolo Cherchi Usai, 1996, pp.125-127).

Perkembangan bidang filem di Itali boleh dibahagikan kepada dua era. Era pertama adalah sebelum perang dunia pertama dan era kedua adalah selepas perang dunia pertama. Dalam era pertama, Itali menjadi pengeluar filem yang terbanyak di benua Eropah. Pada era selepas perang dunia pertama, pengeluaran filem di negara Itali telah terjejas akibat daripada ancaman yang dibawa oleh perang dunia pertama (Kate Carlisle, 2008, p.86).

Perang dunia pertama tercetus pada tahun 1914 dan telah berterusan sehingga tahun 1918. Oleh kerana negara-negara Eropah terlibat secara langsung dalam perang dunia pertama, maka industri perfileman ini mula mengalami kemerosotan. Pada zaman ini Amerika mula menjadi penyumbang utama kepada industri perfileman kerana mereka tidak terlibat secara langsung dalam perang dunia pertama (Sharifah Zinjuaher HM Ariffin & Hang Tuah Arshad, 1980, p.12).

Walaupun industri perfileman lahir di negara Perancis, tetapi perkembangan dan kemajuannya berlaku di Amerika. Filem pertama ciptaan Amerika adalah, *Fred Ott's Sneeze* yang diterbitkan oleh William Kennedy Laurie Dickson (1860-1935) (Meran Barsam, 1992, p.12). Beliau adalah pembantu makmal Thomas A.Edison. Selain itu, beliau juga telah melakukan beberapa penyelidikan terhadap beberapa filem seperti *Annabella and Carmencita*, *Fun in a Chinese Laundry*, *The Execution of Mary Queen of Scots* dan *The John Rice-May Irwin Kiss* (Sharifah Zinjuaher HM Ariffin & Hang Tuah Arshad, 1980, p.12).

Amerika menjadi penyumbang utama kepada industri perfileman dengan menerbitkan beberapa filem popular. Pada masa tersebut Edwin S.Porter yang merupakan seorang pengusaha dan hartawan telah berjaya menerbitkan filem-filem seperti *The Great Train Robbery* (1903), *Life of an American Fireman* (1903), *Uncle Tom's Cabin* (1903), *The Dream of Rarebit Firnd* (1906) dan *Rescued From an Eagles Nest* (1907). Dalam pada itu, filem *The Great Train Robbery* telah mendapat sambutan hangat dalam kalangan

penonton di mana filem itu telah ditayangkan berterusan selama 10 tahun (Roberta Pearson, 1996, p.20).

Selain itu, pada masa tersebut, beberapa orang tokoh filem yang terkenal juga muncul di Amerika. Mereka ini termasuklah, Carl Laemmle yang mengasaskan Syarikat Universal Pictures dan William Fox yang berjaya mengasaskan Syarikat Fox Film Corporation yang kemudiannya terkenal dengan nama 20<sup>th</sup> Century Fox (Jon Lewis, 2013, p.257). Seorang lagi tokoh filem yang terkenal pada zaman tersebut ialah D.W.Griffith yang merupakan seorang pengarah filem yang berjaya mengarahkan 150 filem dalam jangka masa 17 tahun (1908-1924). Di antara filem-filem popular terbitan D.W.Griffith adalah filem *Mr.Jones Has A Card Party* (1908), *The Lonely Villa* (1909), *A Corner in Wheat* (1909), *Effecting a Cure* (1910), *Examination Day at School* (1910), *A Country Cupid* (1911), *The Lonedale Operator* (1911), *The Musketeers of Pig Alley* (1912), *The Birth of a Nation* (1915), *Intoleranca* (1916), *Hearts of the Words* (1918), *Broken Blossoms* (1919), *Way Down East* (1920), *Orphans of the Storm* (1921) dan *America* (1924). Pelakon-pelakon popular yang telah diperkenalkan oleh D.W.Griffith antara lain termasuklah Charlie Chaplin, Fatty Arbuckle, Marie Dressler, Mabel Normand, Ben Turpin, Billy Bevan, Harold Lloyd, Harry Langdon dan Charlie Chase (Sharifah Zinjuaher HM Ariffin Hang Tuah & Arshad, 1980, pp.12-13).

Dalam pada senarai pelakon tersebut, Charlie Chaplin adalah salah seorang pelakon komedi yang menjadi popular dalam bidang komedi di bawah arahan Mack Sennet. Pada tahun 1914, Charlie Chaplin telah berlakon dalam filem-filem seperti *His Favorite Pastime*,



*Mabels Married Life, Daugh and Dynamite, One A.M, The Gold Rush, The Great Dictator* dan sebagainya (David Robinson, 1996, pp.82-83). Pada tahun berikutnya Syarikat Mutual Film Corporation dan First National Company telah ditubuhkan untuk menerbitkan filem-filem bercorak Charlie Chaplin (Kyp Harness, 2007, p.58).

Pada tahun 1919, Charlie Chaplin, D.W.Griffith, Douglas Fair Banks dan Mary Pickford bersama-sama telah menubuhkan sebuah syarikat perfileman, United Artists Corporation untuk mengembangkan industri perfileman di Amerika (Douglas Gomery, 1996, p.46). Pada tahun 1925 pula muncul beberapa buah syarikat perfileman gergasi yang lain seperti Goldwyn Pictures Corporation, Universal Pictures Company, Columbia Pictures, Warner Brothers, The 20<sup>th</sup> Century Fox Film Corporation, Metro-Goldwyn-Mayer (M.G.M), RKO dan Walt Disney Pictures. Dengan kewujudan syarikat-syarikat gergasi ini, Hollywood telah menjadi popular dalam bidang perfileman dan perkembangannya masih kekal sehingga hari ini (Geoffrey Nowell-Smith, 1996, p.3).

Selepas Hollywood menjadi popular dalam industri perfileman, syarikat-syarikat gergasi di Hollywood telah mula berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan lagi taraf industri perfileman di Amerika. Pada masa tersebut, Walt Disney telah menerokai filem alam kanak-kanak dengan menerbitkan siri-siri kartoon. Filem kartoon berjudul, *Mickey Mouse* (1928) menjadi popular dalam kalangan penonton. Siri kartoon ini merupakan filem bersuara pertama di alam perfileman dunia (Louise Krasniewicz, 2010, p.42). Dengan itu terhasil beberapa lagi filem bersuara seperti *Love Parade* (1929), *Monte*

*Carlo* (1930), *Applause* (1929), *Hallelujah* (1929) dan *All Quiet on the Western Front* (1930) (Sharifah Zinjuaher HM Ariffin & Hang Tuah Arshad, 1980, p.14).

Walaupun pada zaman tersebut, beratus-ratus syarikat perfileman telah muncul di Hollywood, tetapi syarikat-syarikat gergasi seperti M.G.M, Paramount, Warner Brothers, 20<sup>th</sup> Century Fox Film Corporation, Universal Pictures Company, Walt Disney Pictures, RKO Radio Pictures dan Paramount sebenarnya telah menguasai industri perfileman di Hollywood (James Chapman, 2003, p.422). Kesemua syarikat ini telah melahirkan pelakon, pengarah dan filem yang popular. Dalam jangka masa 20 tahun, industri perfileman menjadi suatu bidang seni dan ekonomi yang kukuh di benua Eropah khususnya di Amerika (Ashok Mittal, 1995, p.21).

Mulai tahun 1920-an, teknologi pembikinan filem Amerika telah meresap masuk negara-negara Eropah yang lain, Latin Amerika, Afrika dan juga negara-negara di Asia. Dalam pada ini, Jepun adalah negara yang paling banyak mengimport filem-filem dari Amerika berbanding dengan negara-negara yang lain di Asia (James Chapman, 2003, pp.33 & 421).

Pada tahun 1950 Hollywood telah mencatat satu lagi pencapaian dalam bidang perfileman di mana filem berwarna telah berjaya dihasilkan buat kali pertama. Sejurus dengan perkembangan tersebut, pada tahun 1952, filem *Technicolour* dan filem tiga dimensi (3-D) berjaya diperkenalkan (Ashok Mittal, 1995, p.15). Pada zaman moden ini

teknologi baru seperti seni grafik dan animasi turut diperkenalkan dalam dunia filem bagi memastikan agar media televisyen dan internet tidak menggugat kedudukan bidang hiburan ini.

Industri perfileman dunia didapati telah berjaya menghasilkan banyak filem. Namun demikian adalah sukar untuk menyatakan jumlah filem yang telah dihasilkan kerana kebanyakan filem-filem yang diterbitkan tidak wujud lagi dan rekodnya juga tidak sempurna. Amerika adalah negara yang paling banyak menghasilkan filem di dunia diikuti dengan India dan Jepun sejak tahun 1970-an. Dalam lingkungan ini, 50% filem dunia telah dihasilkan oleh negara-negara Eropah dan 10% oleh negara-negara Latin Amerika, Afrika, dan negara-negara Arab (James Chapman, 2003, p.33).

Sebenarnya sejarah perkembangan filem juga telah pesat berkembang berdasarkan jenis filem yang diterbitkan. Ini termasuklah filem-filem hiburan/perdagangan, filem totalitarian, filem kesenian dan filem kumpulan etnik. Jika dirujuk kepada filem hiburan/perdagangan; jenis filem ini adalah dihasilkan untuk menghiburkan penonton dan untuk mendapatkan pasaran yang luas. Dalam hal ini, industri perfileman Amerika, India dan Hong Kong adalah antara negara-negara yang paling banyak menerbitkan filem-filem hiburan (Elsaesser, 2005, p.497). Aspek budaya dan sosial yang digambarkan dalam filem-filem tersebut yang telah menggambarkan kehidupan penonton, membina pasaran yang lebih luas di negara masing-masing. Manakala kepelbagaian bahasa yang digunakan dalam kalangan masyarakat di India pula telah menyebabkan lahirnya filem-filem dalam bahasa

yang berbeza yang turut memberikan pasaran yang mencukupi kepada penerbit untuk menayangkan filem kepada sasaran penonton mereka (James Chapman, 2003, p.33).

Filem jenis totalitarian adalah filem yang lebih berunsur propaganda. Biasanya jenis filem ini dikawal oleh kerajaan sesuatu negara. Jerman, Itali, Rusia dan China adalah antara negara-negara yang mempunyai ideologi masing-masing seperti Nazi, komunis dan sebagainya yang telah mengawal dan menerbitkan filem-filem totalitarian untuk mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat negara mereka (Ying Zhu, 2003, p.9). Biasanya negara-negara yang mengamalkan konsep ini, tidak akan mengimport filem-filem daripada negara-negara lain kerana khuatir, mungkin ideologi mereka akan tercabar akibat daripada ideologi yang dimuatkan oleh negara-negara lain dalam filem-filem yang diimport. Sejarah perkembangan filem menyatakan bahawa kebanyakan industri perfileman totalitarian telah muncul selepas perang dunia kedua (Taylor, 1998, p.3).

Seterusnya adalah filem kesenian. Istilah filem kesenian wujud sekitar tahun 1970-an. Istilah ini merujuk kepada kesenian dan filem. Kebanyakan filem kesenian ini telah terhasil di negara-negara Eropah, India dan juga di Jepun (James Chapman, 2003, pp.42-43). Dalam hal ini, Satyajit Ray dari India dan Akira Kurosaka dari Jepun dirujuk sebagai penerbit yang paling unggul dalam bidang ini kerana kebanyakan filem yang telah dihasilkan oleh kedua-dua tokoh tersebut mendukung unsur-unsur kesenian dan juga mempunyai nilai budaya dan tradisional masyarakat India dan Jepun dalam filem masing-masing (Shahrom Md Dom, 1983, p.8).

Filem etnik dan rantau pula adalah bentuk filem yang dihasilkan oleh kumpulan minoriti dalam sesuatu negara. Biasanya filem seperti ini dihasilkan untuk memenuhi kehendak sesuatu kelompok masyarakat yang tertentu sahaja. Walaupun filem-filem ini dipasarkan di pasaran antarabangsa tetapi sasaran utamanya adalah kelompok masyarakat tertentu sahaja (James Chapman, 2003, pp.44-45).

Walaupun industri perfileman bermula di negara-negara Eropah tetapi perkembangan pesat industri ini berlaku di negara Amerika. Pada masa yang sama bidang filem ini juga didapati berkembang dengan pesat di benua-benua lain termasuk di benua Asia. Dalam pada itu industri perfileman di negara India telah menjadi sebuah industri yang berpengaruh kuat dalam sejarah perkembangan filem dunia.

### **3.4. Sejarah Dan Pembangunan Filem Negara India**

Jika dirujuk kepada sejarah perkembangan filem, setiap negara mempunyai bentuk perkembangan unik yang dipengaruhi oleh ideologi, sosial, budaya dan ekonomi tersendiri (James Chapman, 2003, pp.33-34). Industri perfileman di negara India juga tidak terkecuali daripada aspek ini. India adalah negara yang kedua terbesar dalam bidang penghasilan filem dunia (Shampa Banerjee & Srivastava, 2013, p.2). Filem-filem yang dihasilkan di negara India adalah popular di kebanyakan negara di benua Asia termasuklah Malaysia, Afrika, Fiji dan juga negara-negara lain di Eropah dan Amerika, (Selvaraj Velayutham,

2008, p.12). Dalam pada ini filem Bollywood yang dirujuk sebagai industri perfileman Hindi adalah antara industri yang paling dominan dalam industri perfileman India dan juga popular di arena antarabangsa (James Chapman, 2003, p.37)

Adik-beradik Lumiere yang telah mencipta teknologi fotografi adalah orang pertama memperkenalkan tayangan filem pertama di India pada 7 Julai 1896 di Hotelel Watson, Bombay (Ashok Mittal, 1995, p.22). Walau bagaimanapun mereka tidak menghasilkan filem-filem di India sebaliknya menayangkan filem-filem mereka daripada Barat. ini termasuklah filem *Arival of a Trial*, *The Sea Bath*, *A Demolition* dan sebagainya (Sumita Chakravarthy, 2011, p.34).

Filem pertama yang telah dihasilkan di negara India adalah filem berjudul *Raja Harichandra*. Filem ini adalah filem bisu dan filem pertama yang dihasilkan di India. Filem ini telah dihasilkan pada 13hb Mei 1913 oleh Dadasaheb Phalke. Filem *Raja Harichandra* dibuat berdasarkan sebuah cerita klasik India yang berkaitan dengan seorang Raja yang bernama Harichandra yang tidak pernah berbohong dalam kehidupannya dalam apa jua keadaan (Ashish Rajadhyaksha & Cherchi Usai, 1997, p.399).

Sehingga tahun 1920, industri perfileman India menerbitkan sebanyak 27 buah filem sahaja. Tetapi keadaan ini berubah dan bilangan ini telah bertambah kepada 201 buah filem pada tahun 1931. Namun demikian dalam jangka masa tersebut majoriti filem yang

telah ditayangkan dalam pawagam di negara India adalah terdiri daripada filem-filem yang diimport dari negara-negara Barat (Ashok Mittal, 1995, p.22).

Walau bagaimanapun selepas tahun 1930-an, industri perfileman India mula memainkan peranan penting dalam dunia pasaran perfileman India. Keadaan ini telah mengalami perubahan apabila mulanya era filem bersuara pada tahun 1931. Filem bersuara pertama India ialah *Kalidas* yang diarahkan oleh HM.Reddy dan diterbitkan oleh Ardeshir Irani dari Syarikat Lagenda Film Industry. Filem ini berjaya ditayangkan di pawagam Cinema Central pada 31hb Oktober 1931 (Selvaraj Velayutham, 2008, p.3).

Filem-filem dari India dikatakan telah mencapai taraf antarabangsa apabila terhasilnya dua buah filem yang berjudul *Seetha* (1934) dan *Saint Tukaram* (1936). Pada tahun 1939 pula India telah menjadi sebuah negara yang kuat dalam usaha pengeluaran filem. Pada tahun tersebut industri perfileman mereka telah menyumbang 9% daripada penghasilan filem di arena antarabangsa. 27% filem telah dikeluarkan oleh Jepun diikuti dengan 22% oleh Amerika. Dalam jangka masa tersebut syarikat-syarikat perfileman seperti Bengal Motion Picture Association, All India Motion Picture Society, South Indian Film Chamber of Commerce dan Indian Motion Picture Association telah menjadi syarikat-syarikat popular dalam industri perfileman di India (Ashok Mittal, 1995, pp.24-25).

Industri perfileman India telah bermula di Bombay yang dikenali sebagai Bollywood dan masih mengekalkan identitinya sebagai pusat perfileman utama di negara

itu (James Chapman, 2003, p.37). Selain itu, Calcutta, Chennai dan Lahoor juga didapati turut berkembang dengan pesat dalam bidang industri perfileman pada masa tersebut (Ashish Rajadhyaksha & Cherchi Usia 1997, p.398). Kini Industri perfileman Chennai yang dikenali sebagai Koolywood adalah sebuah industri perfileman Tamil yang bukan sahaja menjadi popular di negara India tetapi juga mendapat sambutan hebat di arena antarabangsa (Joseph Getter, 2014, p.60).

#### **3.4.1. Industri Perfileman Di Tamil Nadu**

Chennai yang merupakan pusat kepada industri perfileman Tamil adalah industri perfileman yang ketiga terbesar di negara India selepas Bombay dan Calcutta (Ashish Rajadhyaksha & Cherchi Usai, 1997, p.408). Sejarah perkembangan industri perfileman di Tamil Nadu didapati bermula daripada hasil usaha tokoh yang bernama Samikannu Vincent. Beliau telah memulakan usaha dalam bidang perfileman dengan penayangan filem-filem melalui sebuah projektor dalam bentuk khemah bergerak (Schaefer & Kavita Karan, 2012, p.33). Usaha beliau telah mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Tamil dan telah membawa keuntungan kepada beliau. Hal ini telah memberikan semangat baru dan mendorong beliau untuk menghasilkan sebuah filem Tamil tetapi tidak berjaya. Tetapi berjaya membina sebuah pawagam di Coimbatore (Anjali Gera Roy, 2013, p.33).



Setelah itu, pada tahun yang sama sebuah lagi pawagam yang bernama Lyric Theater telah berjaya dibina di Mount Road (Anna Saalai) Chennai. Pawagam ini telah berfungsi sebagai pusat seni hiburan yang turut menayangkan filem-filem bisu di samping persembahan seni Tamil yang lain. Dengan ini beberapa buah pawagam telah dibina di Tamil Nadu (Jerry Pinto & Rahul Srivastava, 2008, p.42).

Tokoh bernama R.Nadaraja Mudaliyar adalah pembina studio filem pertama di Tamil Nadu. Beliau telah mendirikan sebuah studio filem pada tahun 1916 di Chennai (Ashok Mittal, 1995, p.14). R.Nadaraja Mudaliyar telah menghasilkan filem bisu Tamil pertama yang berjudul *Keesa Vadam* pada 1916. Setelah itu, beliau juga berjaya menghasilkan beberapa filem bisu Tamil seperti *Draupadi Vastrapaharanam* (1917), *Mayil Ravana* (1918), *Lavakusa* (1919), *Kaliya Mardanam* (1920), *Rukmini Kalyanam* (1921) dan *Markandeya* (1923) (Renu Saran, 2014, p.80 & Vijay Devadass & Selvaraj Velayutham, 2008, p.156).

Dalam jangka masa yang sama seorang lagi tokoh yang bernama Raghupati Surya Prakash turut memberikan sumbangan kepada perkembangan industri perfileman Tamil. Beliau telah melawat beberapa buah pusat industri perfileman yang popular di negara-negara Barat dan di benua Amerika seperti Motion Picture Studio di London, negara German dan juga industri perfileman Hollywood untuk mempelajari teknik-teknik perfileman (Suresh Chabria & Paolo Cherchi Usai, 1994, p.14). Selepas pulang ke Tanah air, beliau telah menghasilkan sebuah filem bisu yang berjudul, *Menatci Kalyanam* (Perkhawinan Menatchi) yang merupakan sebuah filem klasik berasaskan mitos agama

Hindu. Walau bagaimanapun filem itu tidak berjaya kerana telah menghadapi masalah teknikal di mana apabila filem itu ditayangkan, bahagian kepala pelakon tidak dapat dilihat (Ashish Rajadhyaksha & Willemen, 1999, p.1994). Setelah itu beliau telah mendirikan sebuah makmal yang dikenali sebagai “Drum and Tank Lab” untuk menambah baik mutu penghasilan filem. Dengan itu pada tahun 1922 beliau telah berjaya menghasilkan sebuah lagi filem bisu yang berjudul, *Beshma Pratiknya* (Renu Saran, 2014, p.180).

Setelah itu, Prakash dengan bantuan A.Narayanan (pelakon dan penerbit filem) telah berjaya menghasilkan filem-filem bisu seperti *Garuda Garva Banga* pada tahun 1920 dan *Gajendra Moksha* pada tahun 1930. A.Narayanan dengan usaha diri sendiri turut telah menghasilkan beberapa filem seperti *Pandava Nivarana* (1930), *Sarangahara* (1930) dan *Bohjaraja* (1931) dalam jangka masa tersebut (<http://tamilelibrary.org>, dirujuk pada 25/9/2012, pukul 9.30am).

Seorang lagi tokoh yang popular pada masa tersebut adalah penerbit R.Patmanaban. Beliau telah memiliki sebuah studio di Saitha Pettai, Chennai dan pernah menghasilkan beberapa filem bisu seperti *Anathai Penn* (wanita yatim piatu), *Rajeswari*, *Usha Sundari* dan *Bakthavastala* sekitar tahun 1930-an. Watak utama filem *Rajeswari*, iaitu pelakon wanita yang bernama T.P.Rajalaxmi, kemudiannya telah menjadi pengarah wanita yang pertama dalam industri perfileman Tamil (Yves Thoraval, 2000, p.36).

Pada tahun 1931, sebuah lagi studio, AVM Studio telah diasaskan oleh A.V.Meiyappan di Karaikudi dan kemudiannya telah dipindahkan ke Chennai (Ashish Rajadhyaksha & Willemen, 1999, p.1953). Seterusnya pada tahun 1940, Vijaya Vauhini Studio dan Gemine Studio telah didirikan di Chennai. Dengan itu Chennai telah menjadi sebagai sebuah pusat industri perfileman Tamil yang kukuh di Tamil Nadu (Renu Saran, 2014, p.180).

Pada era filem bisu beratus-ratus filem telah dihasilkan tetapi hanya sebuah filem sahaja yang berjudul, *Martanda Varma* yang berjaya dipelihara di Arkib Filem India, Poona, Maharashtra (Asha Kasbekar, 2006, p.233).

### **3.4.2. Filem Tamil Bersuara**

Era filem Tamil bersuara telah bermula apabila terbitnya filem yang berjudul *Galavarishi* pada tahun 1932. Filem ini telah dihasilkan di Bombay di bawah arahan Badmini dan T.C.Vadivelu Naikar. G.Ramanathan telah mengubal muzik untuk filem ini dan kemudiannya beliau telah menjadi seorang pemuzik popular dalam industri perfileman Tamil (Bruno Netti & Alison Arnold. 1998, p.543).

Seterusnya, pada tahun berikutnya dua buah filem yang berjudul, *Seetha Kalyanam* dan *Valli Thirumanam* telah diterbitkan. Dalam pada ini, *Valli Thirumanam* yang diterbitkan oleh Samikannu dan diarah oleh PV.Rao telah mencatat kutipan pendapatan tertinggi pada tahun tersebut (Anjali Gera Roy, 2012, p.33). Walaupun filem bersuara dikatakan telah bermula sejak tahun 1932 lagi, tetapi filem bersuara sempurna hanyalah dihasilkan pada tahun 1934 oleh A.Narayanan melalui filem berjudul, *Dropathi Vastra Haranam*. Manakala filem berjudul, *Bhama Vijayam* yang telah diterbitkan pada tahun 1934, adalah filem yang dihasilkan dengan bajet yang besar iaitu pada kos perbelanjaan sebanyak 80,000 rupee pada masa itu (<http://tamilelibrary.org>, dirujuk pada 29/10/2012, pukul 11.00am).

Dari tahun 1930 hingga 1950, industri perfileman Tamil didapati telah dikongkong oleh dua orang hero filem Tamil yang bernama P.U.Chinnappa dan M.K.Thiyagaraja Bagavathar. Terdapat juga beberapa filem yang telah dilakukan oleh kedua-dua tokoh ini ditayangkan dalam pawagam lebih daripada satu Tahun (Theodore Baskaran, 2013, p.132).

Pada mulanya kebanyakan plot cerita filem Tamil dibentuk berasaskan kisah yang berkaitan dengan raja dan dewa-dewi, mitos dan legenda masyarakat Tamil dan Hindu. Keadaan ini berubah apabila terhasilnya sebuah filem yang berjudul, *Parasakthi* pada tahun 1952 yang berasaskan kehidupan sosial masyarakat sezaman (Madava Prasad, 2004, p.98). Kejayaan filem ini telah melahirkan keyakinan dalam kalangan penerbit Tamil untuk menghasilkan filem-filem yang mengutarakan isu-isu sosial semasa. Filem ini merupakan filem pertama kepada pelakon Sivaji Ganesan yang kemudiannya menjadi ikon pelakon

dalam industri perfileman Tamil di Tamil Nadu (Ashish Rajadhyaksha & Willemen, 1999, p.1994). Sejak itu industri perfileman Tamil dikatakan telah mula dikuasai oleh dua orang lagi pelakon yang popular iaitu MGR (M.G.Ramachandran) dan Sivaji Ganesan (C.V.Ganesan) (Theodore Baskaran, 2013, p.134).

MGR telah menceburi bidang filem melalui filem *Sathi Leelavathi* yang diterbitkan pada tahun 1935. Beliau adalah seorang pelakon wira yang paling popular selepas tahun 1950-an. MGR sentiasa memegang watak-watak putih sahaja sehingga mencerminkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang suci (Sara Dickey, 2008, p.78). Filem-filem lakonan MGR sentiasa mengutarakan nilai-nilai terpuji seperti menghormati ibu, sudi berkorban, berani serta melawan kuasa-kuasa negatif, menjaga masyarakat yang dianiyayi dan sebagainya. Dengan itu, beliau telah menstabilkan kedudukannya sebagai seorang wira yang positif sehinggakan masyarakat Tamil menerima MGR sebagai contoh teladan masyarakat Tamil di negara India (Hardgrave, 2008, p.68). Penampilan ini telah menjadikan beliau sebagai Ketua Menteri (*Chief Minister*) Tamil Nadu pada tahun 1977 dan terus berkuasa sehingga akhir hayatnya pada tahun 1988 (Sara Dickey, 2008, p.83-85).

Manakala Sivaji Ganesan pula telah menjadi pelakon terhandal dalam dunia filem Tamil. Sehingga kini industri perfileman Tamil masih melihat beliau sebagai ikon bagi lakonan dalam dunia lakonan Tamil. Beliau pernah mendapat pelbagai anugerah kebangsaan dan antarabangsa termasuklah anugerah Chevalier dari negara Perancis untuk lakonannya. Beliau juga sering kali digelar sebagai universiti lakonan bergerak dalam industri perfileman Tamil (Vijaya Ramaswamy, 2007, p.75).

Pada era MGR dan Sivaji Ganesan, industri perfileman Tamil hampir sepenuhnya bergantung pada studio untuk penerbitan filem. Keadaan ini telah berubah pada tahun 1977 apabila terhasilnya sebuah filem berjudul, *Pathinaru Vayathinile* yang dihasilkan oleh pengarah yang bernama Barathiraja (Vijay Devadass & Selvaraj Velayutham, 2008, pp.154-155). Filem ini telah dibintangi oleh Kamal Hasan, Sri Devi, dan Rajinikanth. Kejayaan filem ini telah membuka ruang kepada penghasilan filem-filem di luar studio dan juga era ini dikatakan sebagai era permulaan Rajinikanth dan Kamal Hasan yang telah mengambil alih kedudukan yang telah dipegang oleh MGR dan Sivaji Ganesan sebelum itu.

Setelah itu, Rajinikanth dan Kamal Hasan telah mengekalkan kedudukan mereka sebagai pelakon utama dalam industri perfileman Tamil sehingga kini. Hal ini jelas kelihatan daripada pengaruh Rajinikanth yang berusia 64 tahun dan Kamal Hasan yang berusia 60 tahun yang masih berlakon sebagai hero dalam filem-filem Tamil. Filem-filem mereka ini khususnya filem Rajinikanth telah mendapat sambutan yang paling tinggi dalam industri ini di India dan juga di seluruh pelosok dunia termasuk di Amerika Syarikat, negara-negara Barat, Jepun, China, Hong Kong dan lain-lain. *Enthiran* filem lakonan Rajinikanth telah di tayangkan di 2100 buah pawagam di seluruh dunia (<http://movies.rediff.com>, dirujuk pada 10/12/ 2013, pukul 8.15am).

Pada 1980-an kebanyakan filem yang diterbitkan tertumpu pada cerita-cerita kawasan desa di India. Kemudian pada tahun 1990-an, industri perfileman Tamil mula berfokus pada isu-isu politik, keganasan, kasta dan agama (Vijay Devadass & Selvaraj

Velayutham, 2008, pp.155-167). Mulai tahun 2000-an pula, penggunaan teknologi grafik mula menguasai industri perfileman Tamil.

Pada tahun, 2014 filem animasi pertama berjudul, *Koochadaiyan* telah diterbitkan oleh Saundarya yang dilakonkan oleh Rajinikanth. Filem ini telah membuka ruang baru dalam industri perfileman Tamil. Walaupun filem ini dikatakan tidak berjaya dalam pasaran tetapi usaha ini telah membina keyakinan baru dalam kalangan penerbit filem Tamil untuk berusaha menghasilkan filem-filem animasi Tamil (<http://ibnlive.in.com>, dirujuk pada 10/10/2014, pukul 10.15am).

Kini filem-filem Tamil telah memiliki suatu kedudukan yang kukuh dalam pasaran dunia. Bukan sahaja masyarakat Tamil tetapi masyarakat bukan Tamil juga didapati berminat dengan filem-filem Tamil (<http://www.indicine.com>, dirujuk pada 18/9/2013, pukul 1.10pm). Filem-filem Tamil dari negara India ini juga telah melahirkan inspirasi baru kepada pengusaha dan penerbit filem-filem Tamil Malaysia untuk menghasilkan FFTM. Secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa filem Tamil dari negara India adalah asas kepada kewujudan FFTM.

### 3.5. Sejarah Perkembangan Filem Di Malaysia

Sejarah perkembangan filem di Malaysia bermula dengan penerbitan filem-filem Melayu. Filem Melayu pertama berjudul, *Laila Majnun* telah diterbitkan oleh S.M.Chisty pada tahun 1933. Pengarah filem ini B.S.Rahjan adalah seorang warga India yang amat berminat dengan seni persembahan kebudayaan seperti bangsawan pada ketika itu (Hamzah Hussin 1997, p.73).

Setelah itu, syarikat Run Run dan Run Me Shaw telah mula menguasai penerbitan filem-filem Melayu. Seterusnya, syarikat Shaw Brothers pula telah berjaya menerbitkan filem-filem Melayu berjudul, *Mutiara, Bermadu, Hanchor Hatt, Topeng Shaitan, Ibu TiriI, Terang Bulan Di Malaya, Tiga Kekasih* dan *Mata hantu* sekitar tahun 1938 hingga 1942 (Shariff Ahmad M, 2000, p.51). Walau bagaimanapun ,filem-filem dari Hollywood, UK, Mesir, India dan China juga telah turut dibawa masuk ke Tanah Melayu pada zaman tersebut (Sharifah Zinjaher Ariffin & Hang Tuah, Arshad, 1980, p.16). Filem-filem Barat diimport ke Tanah Melayu untuk memenuhi permintaan anggota tentera dan pegawai British pada masa itu. Manakala filem Hindi, Tamil dan Cina pula telah dibawa masuk untuk dijadikan sebagai bahan hiburan kepada orang India dan Cina di Tanah Melayu.

Pada zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu mulai tahun 1942, filem-filem dari negara Barat telah disekat dan digantikan dengan filem-filem Jepun yang berunsur



propaganda ketuanan Jepun. Pada masa itu, pihak Jepun telah menayangkan filem-filem Jepun seperti *Singapore Sokogeki Marat Na taro* (March to Singapore) dan *Shina No Yaro* (A Night in China) (Hassan Muthalib, <http://www.academia.edu>, dirujuk pada 02/9/2014, pukul 8.30am).

Selepas zaman penjajahan Jepun, Tanah Melayu telah mula menyedari akan semangat kemerdekaan negara. Justeru itu, filem-filem Melayu yang diterbitkan pada era kemerdekaan Tanah Melayu lebih memberikan keutamaan kepada unsur-unsur seperti patriotisme, perpaduan antara kaum, cinta kepada negara dan sebagainya. Tren ini juga berterusan selepas kemerdekaan negara. Hal ini dapat diperhatikan dalam filem-filem seperti *Selamat Tinggal Kekasihku* (1955) arahan L.Krishnan, *Gerimis* (1968) arahan P.Ramlee, *Tsu Feh-Sofia* (1986) arahan Rahim Razali dan sebagainya adalah lebih berfokus kepada unsur-unsur tersebut (Kahn, 2001, p.101).

Pada mulanya industri perfileman Melayu, telah dikuasai oleh tokoh-tokoh India seperti S.Ramanathan, L.Krishnan, K.M.Bashker, B.N.Rao, V.Grimaji, K.R.S.Shastry, Phani Majumdar, Diresh Gosh dan Kidar Sharma. Manakala hasil karya filem mereka juga didapati mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan orang India (Shariff Ahmad M, 2000, p.52).

Keadaan ini telah berubah sekitar tahun 1950-an. Pada tahun 1952, Syarikat Malay Film Production telah berjaya menerbitkan filem yang berjudul, *Pertama Diperlimbahan* di

bawah arahan Haji Mahdi yang telah mencatat rekodnya sebagai filem pertama yang diarahkan oleh seorang anak Melayu. (Azman & Chooi Lian Khor, 2005, p.54).

Pada tahun 1955, tokoh besar dan ikon industri perfileman Melayu P.Ramlee telah berjaya menerbitkan filem berjudul, *Penarik Beca* yang telah mendapat sambutan hebat dalam kalangan penonton. Seterusnya pada tahun 1951, S.Roomai Noor telah berjaya mengarah filem berjudul, *Adam*. Usaha ini diikuti oleh P.Ramlee dengan penerbitan filem berjudul, *Bawang Putih Bawang Merah* pada tahun 1959 yang mencatat sambutan hebat dalam kalangan penonton. Pada era ini, P.Ramlee telah menjadi seniman yang paling popular dalam industri perfileman Melayu (Shariff Ahmad M, 2000, p.52).

Sekitar tahun 1960-an, syarikat Shaw Brothers dan Cathay telahpun memberhentikan usaha penghasilan filem. Maka pengarah-pengarah filem Melayu yang sebelum ini telah menghasilkan filem-filem di studio-studio Singapura telah berpindah ke Kuala Lumpur dan dengan itu wujudnya Merdeka Studio di Tanah Melayu. Setelah itu, industri perfileman Melayu telah mula mencatat perkembangan baru dengan ideologi tersendiri (Hassan Muthalib, <http://www.academia.edu>, dirujuk pada 02/9/2014, pukul 8.30am).

Walaupun sejarah perkembangan filem-filem Melayu pada awalnya menggambarkan pengaruh pengarah-pengarah filem India mereka tidak langsung melibatkan diri dalam usaha pembikinan FFTM. Hal ini kerana pada masa tersebut

penerbitan filem Tamil di Malaysia masih dikuasai oleh filem-filem Tamil dari India. Selain itu, para penonton juga adalah terhad. Pada masa tersebut majoriti orang India adalah ditempatkan di kawasan ladang dan mereka juga tidak mampu untuk membelanjakan duit untuk hiburan filem. Tetapi selepas kemerdekaan negara pelbagai perkembangan yang melandai arus pembangunan negara telah memberikan keyakinan kepada beberapa orang penerbit Tamil untuk berani menghasilkan filem-filem Tamil tempatan.

### **3.5.1. Bidang Penyiaran Tamil Di Malaysia**

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, masyarakat dari negara India khususnya daripada Tamil Nadu telah dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh penjajah British untuk menampung keperluan tenaga buruh di sektor ladang khususnya untuk mengusahakan industri pertanian seperti kopi, tebu, getah, koko, kelapa sawit dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga sekumpulan kecil orang India dibawa masuk untuk bekerja dalam struktur pentadbiran kerajaan British dan ada juga golongan pedagang India yang telah berhijrah ke Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan (Sandu & Mani 2006, pp.352-358).

Seni drama pentas telah menjadi hiburan utama kepada masyarakat India di Malaysia pada masa awal penempatan mereka. Sejarah seni drama pentas Tamil Malaysia didapati bermula pada tahun 1910. Seorang tok guru yang bernama Kaliya Perumal dirujuk

sebagai pelopor seni pentas di Tanah Melayu. Kemudian usaha beliau disokong oleh tok guru Sastri dan tok guru Manggala untuk menubuhkan sebuah syarikat seni drama pentas yang bernama Vinayaga Saba di kawasan utara Tanah Melayu. Syarikat ini telah mempersembahkan pelbagai drama pentas Tamil di seluruh Tanah Melayu (Manisegaran, 1987, pp.13-14).

Selain itu, pada masa tersebut syarikat T.M.Mohidin Sahib yang berasal dari negara India juga telah mula mempersembahkan drama-drama Tamil di Tanah Melayu (Maniam, 1994, p.102). Usaha yang sama telah dilakukan oleh tok guru Pottai Kannu Ramasamy Devar di mana beliau juga telah menubuhkan sebuah syarikat drama bernama Ariya Nadana Vinotha Saba pada tahun 1925 (Manisegaran, 1987, pp.14-15).

Sekitar tahun 1927-an, muncullah beberapa buah syarikat drama Tamil di Tanah Melayu seperti Sami Rao Saraswathi Saba, Arangga Samy Saba, Tanavalli Nadaga Kulu, Parameswara dan Aachriya Navaneetham Nadaga Kulu. Dalam pada ini, syarikat drama Tanavalli dan Jeevaratna Valli menjadi popular di Tanah Melayu (Maniam, 1994. p.105).

Kemudian sekitar tahun 1940-an, seni drama pentas ini mula merosot kerana adanya kehadiran radio Tamil di Tanah Melayu. Namun demikian Radio Tamil di Malaysia telah membuka ruang kepada penyiaran drama-drama Tamil (*Risalah RTM*, 1986, p.4). Ini telah membuka era baru dalam sejarah perkembangan drama Tamil di Malaysia. Kemudian kehadiran siaran televisyen Tamil turut telah memberi ruang kepada drama-drama Tamil

untuk disiarkan pada pertengahan tahun 1980-an. Drama Tamil berjudul, *Mattappu* telah berjaya disiarkan sebagai drama khas sempena dengan sambutan perayaan Deepavali pada tahun 1985 (temu ramah dengan Suhan Panjatcharam pada 10/11/2012). Sejak itu, seni drama mula mencatat penerbitan yang lebih banyak dalam siaran radio dan televisyen di Malaysia. walau bagaimanapun penerbitan drama pentaslah yang menjadi pendorong utama kepada kewujudan drama-drama radio dan televisyen Tamil di Malaysia. Perkembangan ini seterusnya telah membuka ruang untuk kemunculan industri filem Tamil Malaysia.

### **3.5.2. Industri Perfileman Tamil Di Malaysia**

Seperti mana industri perfileman Melayu, industri perfileman Tamil juga telah muncul daripada usaha seorang warga India yang bernama M.V.Raman. Beliau telah berjaya menerbitkan filem pendek pertama berjudul *Siva Sakthi* dengan sokongan Filem Negara Malaysia (Akbar *Makkal Osai*, 9/8/2009, p.4). Seterusnya sebuah lagi filem yang berjudul, *Thisai Maariya Paravaigal* telah dihasilkan oleh seorang penerbit yang bernama Krishnan dan filem pendek ini juga berjaya ditayangkan di Dewan Diamond Jubli, Johor Bahru. Walaupun Kedua-dua filem ini dikatakan mempunyai banyak kekurangan dari segi teknik perfileman tetapi usaha baru ini telah mencetuskan keyakinan dalam kalangan para penerbit Tamil tempatan untuk menceburkan diri dalam industri ini (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan pada 25/12/2012).

Kemudian pada tahun 1968 sebuah lagi filem Tamil pendek telah berjaya diterbitkan oleh Mu.Bahruthin yang merupakan seorang guru dan penulis drama. Filem yang berjudul, *Ratta Pei* (Hantu berdarah) ini dikatakan sebagai sebuah filem pendek Tamil Malaysia yang sempurna dari segi aspek-aspek teknik perfileman. Cerita filem ini sebenarnya dipetik dan diperkembangkan daripada cerita drama pentas yang juga berjudul, *Ratta Pei*. Sambutan terhadap drama ini dalam kalangan masyarakat telah memberikan keyakinan kepada beliau untuk menghasilkan cerita drama ini dalam bentuk filem. Oleh yang demikian, Mu.Bahruthin telah menerbitkan *Ratta Pei* dalam bentuk filem di negara India (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan, pada 25/12/2012).

Filem ini telah berjaya ditayangkan di pawagam-pawagam tempatan seperti Coliseum, Central Federal, Kuala Lumpur dan juga di Singapura. Walaupun filem pendek Tamil ini dibuat rakamannya di negara India tetapi pengarah, penerbit filem, pemuzik dan pelakon-pelakon adalah daripada terdiri warga Malaysia. Oleh yang demikian, hasil karya ini telah diterima sebagai filem pendek Tamil Malaysia yang pertama (Akbar *Makkal Osai*, 9/8/2009, p.4). Watak utama dalam filem ini telah dimainkan oleh Kalai Kumar. Kemudian beliau telah memperoleh peluang untuk berlakon dalam filem berjudul, *Anubavi Raja Anubavi* arahan K.Balachander di negara India (Akbar *Makkal Osai*, 2/8/2009, p.4).

Setelah itu, para penerbit tempatan didapati telah beralih kepada penerbitan drama-drama televisyen. Walau bagaimanapun pada sekitar tahun 1960-an, segelintir seniman-seniman tempatan telah giat berusaha dalam penerbitan dan lakonan dalam industri perfileman di Tamil Nadu. Manu Ramalinggam adalah seorang penerbit yang harus diberi

perhatian dalam hal ini. Pada tahun 1978, beliau telah berjaya menerbitkan sebuah filem, *Tevaigal* di Tamil Nadu. Namun demikian filem ini didapati tidak berjaya dari segi nilai komersialnya (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan, pada 25/12/2012).

Selain itu, Seniman tempatan yang bernama So.Paranjothi juga didapati telah berjaya berlakon dalam lebih daripada 15 filem di industri perfileman Tamil Nadu. Tetapi beliau tidak meneruskan usahanya kerana kurang berpeluang untuk memainkan watak-watak penting dalam filem-filem yang dihasilkan di negara India (Akbar *Makkal Osai*, 2/8/2009, p.4).

Manakala seniman tempatan, A.Senguthuvan pula didapati telah berusaha untuk menerbitkan sebuah filem yang berjudul, *Enakkoor Idam Veendum*. Tetapi filem ini tidak dapat disempurnakan dan usaha kedua beliau untuk menghasilkan sebuah lagi filem, *Thunbangal Uranguvathillai* juga tidak berjaya (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan, pada 25/12/2012). Begitu juga dengan usaha penerbit tempatan yang bernama Pa.Chandragantham yang telah berusaha untuk menghasilkan filem berjudul, *Anbe En Anbe* turut tidak berjaya (Akbar *Makkal Osai*, 2/8/2009, p.4).

Walau bagaimanapun keadaan ini telah berubah apabila penerbit tempatan K.Vijayasingam berjaya menerbitkan sebuah filem berjudul, *Ninaivu Maraivathillai* pada tahun 1982 di negara India. Kejayaan ini telah memberikan keyakinan dalam kalangan penerbit tempatan untuk menerbitkan beberapa filem di Tamil Nadu. Antaranya filem

berjudul *Vaanga Mappilai Vanga* oleh Jacob Sigamani, *Arinthum Ariyamalum*, *Pattalam* dan *Kundaka Mandaka* oleh Punnagai Poo Geetha, *Sollathe* dan *Santhipooma* oleh pemilik syarikat Raja Video dan rakannya Vijayan. Ini adalah beberapa filem yang telah berjaya dan mendapat sambutan dalam kalangan penonton filem Tamil di arena antarabangsa (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan, pada 25/12/2012).

### **3.5.3. Filem Tamil Pertama Dan Perkembangan Filem Tamil Malaysia**

Walaupun usaha penerbitan filem pendek Tamil telah bermula sejak tahun 1960-an, tetapi filem Tamil pertama di Malaysia hanyalah dihasilkan pada tahun 1991. Filem berjudul, *Naan Oru Malaysian* yang diterbitkan oleh Sukan Panchatcaram telah mencatat rekod sebagai filem Tamil Pertama Malaysia. Sukan Panchatcaram adalah seorang seniman filem yang popular dalam industri perfileman Melayu (penerbit filem *Perempuan, Isteri dan...?*). Beliau juga telah menjadi pengarah dan telah memegang watak wira dalam filem ini. Cerita latar dan dialog filem ini telah dituliskan oleh S.Vairakannu yang merupakan seorang penulis drama radio Tamil Malaysia (RTM) (temu ramah dengan Sukan Panchacaram pada 10/11/2012).

Filem ini sebenarnya tidak mencapai kejayaan yang di harapkan. Setelah itu, penerbit-penerbit tempatan didapati telah beralih semula kepada penerbitan drama-drama televisyen dan juga telefilem-telefilem Tamil. Hal ini kerana bidang filem memerlukan kos



yang lebih tinggi untuk menghasilkan sesuatu filem. Pada masa yang sama hal ini juga mempunyai masalah lain iaitu pemasaran. Untung dan rugi harus ditanggung oleh penerbit. Tetapi dalam penerbitan drama televisyen, para penerbit hanya memberikan tumpuan kepada penerbitan. Pada masa yang sama tidak perlu risau tentang bilangan penonton, pemasaran, promosi, untung dan rugi kerana hal ini adalah ditanggung oleh syarikat televisyen.

Pada sekitar tahun 2000-an ramai anak muda India telah mula menceburi dalam industri penerbitan filem Tamil. Walau bagaimanapun pada mulanya mereka hanya berusaha dalam penerbitan telefilem Tamil. Hal ini kerana, penerbitan telefilem tidak memakan kos yang tinggi dan juga rakamannya dapat dibuat menerusi video kamera. Namun demikian idea dan usaha mereka telah mencetuskan semangat baru dalam industri perfileman Tamil Malaysia untuk menerbitkan FFTM (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan, pada 25/12/2012).

Pada tahun 2005 telefilem berjudul, *Pencil* telah dihasilkan oleh pengarah yang bernama Subash. Filem ini telah mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat ([www.mytamilchannel.com](http://www.mytamilchannel.com), dirujuk pada 10/11/2011, pukul 8.00am). Begitu juga dengan telefilem, *Divya I Love You* arahan Malaysia Vasudevan (anak Malaysia yang telah berjaya dalam industri perfileman Tamil di India) juga berjaya dalam pasaran Malaysia (Akbar *Makkal Osai*, 9/8/2009, p.4).

Seterusnya telefilem *Atma* (2007) yang merupakan sebuah filem seram yang bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan orang Tamil Malaysia tetapi juga mendapat sambutan dalam kalangan penonton Melayu. Selain itu, telefilem *Yanthra* oleh Haridass, *Naana Neeya* oleh Darmavathi, *Vikranth* arahan Ramesh, *Vetti Pasangga* dan *Vilayattu Pasanga* oleh Vimala Perumal, *Manjari* oleh Sasidaran, *Sweet Dreams* oleh Shan, *Desember 24* oleh Sheela Pravina, *Athma* dan *Uruvam* oleh Naga, *Sentil Veel Kaakka* oleh Maaran, *Ops Kossa Dappa 1 & 2* oleh K.V.Annan telah turut berjaya. Hal ini telah menyumbang kepada pengukuhan industri telefilem Tamil Malaysia. (mytamilchannel.com dirujuk pada 10/11/2011, pukul 8.00am & Akbar *Makkal Osai*, 16/8/2009, p.4).

Seniman tempatan Gana adalah seorang lagi penerbit, pengarah dan pelakon komedi yang terkenal dalam industri perfileman Tamil Malaysia. Beliau telah berjaya menghasilkan lebih banyak telefilem seperti *Chakra Yoogam*, *Maya Prabhu*, *Take It Easy Polisy*, *Mr.Madavan*, *Kampung Kutua*, *Ganavin 100 Singa Koottai*, dan sebagainya (temu ramah dengan Mu.Anbu Selvan pada 25/12/2012). Selain itu, Francis Silvan, Vijaya Singgam, Sukan Pancatcaram, Devarani adalah antara beberapa orang penerbit dan pengarah filem Tamil tempatan veteran yang masih aktif dalam industri ini. Manakala Jasmin, Haridass, Dinesh, Sri Kumar, Kumaresh, Sinthuja, Sheela Pravina, Shanthini, Benji Gandeban, Maaran, Anantha, Uthaya, Ram, Geetha, Sasi Kumar, Gana adalah antara pelakon-pelakon popular dalam industri perfileman Tamil Malaysia.

Usaha yang telah dilakukan dalam penghasilan telefilem-telefilem Tamil dan sambutan dalam kalangan masyarakat India Malaysia yang menggalakkan, telah

memberikan keyakinan kepada penerbit tempatan untuk seterusnya menghasilkan filem-filem Tamil. Dengan itu, pada tahun 2005 sebuah filem Tamil berjudul, *Chemman Chaalai* dihasilkan oleh seorang penerbit Cina yang bernama Tan Chui Mui. Cerita latar dan skrip filem ini telah dihasilkan oleh Sooria Kumari dan filem ini telah diarah oleh Deepak Kumaran Menon. Filem *Chemman Chalai* telah berjaya ditayangkan di dua buah pawagam. Selain itu, filem ini juga telah dipilih untuk penamaan dalam Festival Filem Antarabangsa Bangkok, yang berlangsung di Thailand pada 17 hingga 27 Februari 2006 (<http://www.filemkita.com>, dirujuk pada 5/9/2013, pukul 8.00am).

Setelah itu, pada tahun yang sama dua lagi filem yang berjudul, *Aandal* dan *Uyir* telah diterbitkan dan berjaya ditayangkan dalam pawagam-pawagam tempatan. Filem-filem tersebut juga telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan penonton tempatan ([www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), dirujuk pada 5/9/13, pukul 8.10am). Kini filem ini dikatakan sedang dihasilkan sebagai filem Melayu oleh pengarahnya Sandosh Kesavan (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal* pada 8/1/2014). Justeru itu, penerbit tempatan mula yakin dan menumpukan perhatian dalam penerbitan filem Tamil tempatan.

Pada mulanya filem-filem Tamil terbitan tempatan tidaklah ditayangkan di pawagam-pawagam di negara India. Keadaan ini telah berubah apabila filem Tamil Malaysia seperti, *Mainthan* berjaya ditayangkan di pawagam-pawagam di negara India (Sharmila Nair, <http://www.thestar.com.my>, dirujuk pada 22/9/2014, pukul 10.00am).

Dalam pada ini, filem berjudul, *Maintan* didapati telah ditayangkan di seluruh negara selama sebulan dan filem ini telah memberikan persaingan yang kuat kepada filem berjudul *Anjan* dari industri perfileman Tamil Nadu yang telah dilakukan oleh pelakon yang jauh lebih popular, bernama Surya yang mempunyai peminat yang lebih ramai di seluruh dunia termasuk Malaysia (Akbar *Thina Kural*, 15/8/2014, p.1). Hal ini memperlihatkan kewibawaan filem-filem Tamil tempatan yang sudahpun bersedia untuk memasuki pasaran dunia, dan seterusnya menyumbang serta meletakkan asas yang kukuh bagi kelahiran industri perfileman Tamil Malaysia.

### **3.6. Kesimpulan**

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa semangat pembikinan filem Tamil Malaysia dalam kalangan masyarakat India Malaysia adalah teretus daripada industri perfileman Tamil Nadu (Kollywood). Namun demikian, bentuk penghasilan FFTM tidaklah dipengaruhi sepenuhnya oleh industri perfileman Tamil Nadu. Idea dalam pembikinan FFTM adalah dihasilkan mengikut tren kehidupan orang India di Malaysia. Manakala plot cerita, tema, mesej, suasana persekitaran dan sebagainya juga didapati terhasil berdasarkan identiti tersendiri masyarakat India Malaysia.

Walaupun pada mulanya industri perfileman Tamil Malaysia tidaklah menampakkan suatu perkembangan yang baik, tetapi keadaan ini telah berubah di mana

FFTM mula melangkah ke pasaran dunia. Usaha ini mencetuskan kepercayaan semangat dalam kalangan penerbit-penerbit FFTM untuk menghasilkan FFTM yang berkualiti tinggi. Usaha ini dipercayai akan membawa pengiktirafan antarabangsa kepada FFTM tidak lama lagi.